

72. Ibn Qudāmah, op. cit, jld 5, m.s 518.
73. Al-Syarbīnī al-Khatīb (1958), *Mughnī al-Muhtāj*, juz 2, Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī wa al-Halabī wa Awlādūhu, m.s 2.
74. Ibn Ḥābīdīn, op. cit, juz 4, m.s 502.
75. Ibn Kathīr (t.t), *Tafsīr al-Qur'ān al-Āzīm*, Mesir: Maktabah Zahrahan, m.s 475.
76. Al-Qurtubī (t.t), *al-Jāmi` li al-Āhkām al-Qur'ān*, juz. 4, Kaherah: Dār al-Syurūq, m.s 1699.
77. Ibid
78. Al-Qurtubī, op. cit, juz. 7, m.s 4991.
79. Al-Kāṣanī, op. cit, juz. 4, m.s 502.
80. Ibn Ḥābīdīn, op. cit, juz 4, m.s 502.
81. Muḥammad Abū Zahrah, *al-Milkiyyah wa Nazariyyat al-`Aqd fī al-Syari`ah al- Islāmiyyah*, Kaherah: Dār al- Fikr al- `Arabi, m.s 57-60.
82. Al-Marghinānī, op. cit, m.s 231.
83. Al-Zarqā', op. cit, m.s 208 – 209.
84. Muḥammad Salam Madkūr, op. cit, m.s 167.
85. Al-Syarbīnī al-Khatīb, op. cit, m.s 2.

disokong oleh hadis-hadis Rasulullah s.'a.w. Di antaranya ialah hadis Rasulullah s.'a.w iaitu:

ما جاءك منه وأنت غير مشرف عليه فخذنه وقوله أي
اجعله لك مالا

“Apa yang datang daripada kamu dari-Nya harta, sedangkan kamu tidak memerlukannya, maka ambillah ia dan jadikannya sebagai hartamu”⁶

Begitu juga dengan hadis Rasulullah s.'a.w :

كل المسلم على المسلم حرام دمه وماله وعرضه

“Tiap-tiap individu Muslim haram melakukan kezaliman ke atas saudaranya dari segi darahnya, hartanya dan maruahnya”⁷

Imām al-Razi di dalam kitabnya *Mukhtār al-Sīhhah*⁸ telah mengulas bahawa perkataan ماله (hartanya) difahami dengan maksud apa yang dimiliki oleh seseorang muslim sebagaimana juga yang difahami dengan perkataan دمه وعرضه (darahnya dan maruahnya). Jadi di sini jelas bahawa harta berkaitan dengan pemilikan seseorang.

Dr. Badrān Abū al-'Aynyn⁹ pula mengupas bahawa harta menurut bahasa ialah sesuatu yang dimiliki sama ada zat ('ayn) ataupun manfaatnya. Sehubungan dengan itu, beliau menjelaskan bahawa semua yang boleh dikuasai secara

langsung oleh manusia seperti haiwan, tanah, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya dianggap sebagai harta menurut bahasa. Sebaliknya, sesuatu yang tidak boleh dikuasai secara langsung tidak dinamakan harta menurut bahasa seperti ikan di dalam sungai dan burung di udara.

Sementara itu, Ibn al-Athīr menegaskan di dalam bukunya *al-Nihāyah fī Ghārīb al-Hadīth*¹⁰ bahawa harta pada asalnya ialah sesuatu yang dimiliki dalam bentuk emas dan perak, tetapi kemudian diperluaskan maksudnya kepada apa sahaja yang boleh dimiliki.

Ibn Taymiyyah juga telah menulis tentang harta dan perkara-perkara yang termasuk di dalamnya. Penulisan ini dibuat di dalam bukunya *al-Siyāsah al-Syar'iyyah*. Beliau menyatakan bahawa semua benda adalah harta, termasuk juga mas kahwin.¹¹ Apabila dikatakan mas kahwin termasuk di dalam harta, ertiinya manfaat diiktiraf sebagai harta¹² kerana ia boleh dijadikan mas kahwin dan mas kahwin mestilah terdiri daripada harta.

Berhubung dengan definisi harta, orang-orang Arab yang terawal terutamanya orang Badawi memahami maksud harta sebagai unta sahaja. Pemahaman seperti ini terbentuk ekoran daripada keadaan dan keperluan semasa pada waktu itu. Ternyata bahawa unta ialah harta yang paling banyak dimiliki pada masa itu.¹³ Hal ini juga telah disebut oleh oleh Ibn al-Athīr ketika mengulas tentang definisi harta. Sudah menjadi amalan orang-orang Arab Badawi menyebut

unta dengan menggunakan istilah *māl* (harta). Sebagai contoh, mereka selalu menyebut خرحت إلى مالي (aku keluar pada hartaku)¹⁴ dan ia bermaksud “aku keluar pada untaku”. Unta juga dianggap sebagai harta kerana ia begitu bernilai, penting dan cukup berpengaruh di dalam kehidupan mereka sehari-hari. Hal ini jelas dapat diketahui melalui gambaran-gambaran yang dibuat di dalam syair-syair Arab. Antara yang terkenal ialah syair yang dikarang oleh Humayri:

لما رأيت إيلبي جاءت حلو بتها
هز للي عجافاً عليها الريش والورق

“Apabila dia (isteri penyair) melihat untaku. Datanglah unta yang sedang diperah susunya, kurus kering dan di atasnya terdapat bulu dan dedaun.”¹⁵

Pengarang sebenarnya cuba menggambarkan keperitan hidupnya sama dengan keperitan hidup unta melalui syair ini.

Definisi harta dari segi istilah pula pada umumnya dibuat berdasarkan kepada situasi dan persekitaran semasa. Oleh itu, terdapat pola perkembangan dalam memahami maksud harta. Pada zaman awal masyarakat Arab, satu-satunya yang ditafsirkan sebagai harta ialah tanah atas alasan bahawa tanah ialah benda yang paling awal dimiliki oleh manusia.¹⁶ Kemudian, pentafsiran itu terus berkembang sehingga merangkumi apa sahaja yang tumbuh di atas tanah dan yang berada di atasnya seperti haiwan dan binatang ternakan.¹⁷ Seterusnya, harta juga

termasuk hamba sama ada hamba lelaki atau perempuan kerana mereka boleh disimpan dan dijualbeli. Akhirnya, harta merangkumi sesuatu yang dipunyai oleh seseorang seperti tanah, rumah, tumbuh-tumbuhan dan lain-lain.¹⁸

Perkembangan tafsiran harta seiring dengan perkembangan dan perubahan zaman serta persekitaran semasa juga boleh dilihat pada ulasan Ibn 'Abidin mengenai harta. Pada mulanya, beliau mentafsirkan harta sebagai emas dan perak sahaja tetapi kemudiannya berkembang sehingga merangkumi apa sahaja yang dimiliki¹⁹ sehingga kepada pemilikan individu seperti syarikat, banglo, mata wang dan lain-lain.

'Para fuqaha' telah mentafsirkan apa yang dimaksudkan dengan harta. Ibn 'Abidin²⁰ mendefinisikan harta sebagai sesuatu yang menarik kecenderungan manusia dan boleh disimpan semasa diperlukan. Tafsiran yang sama juga telah dibuat di dalam Undang-undang Sivil Islam²¹ (*al-Ahkām al-Adliyyah*) di bawah perkara 26:

"Mal ialah barang yang disukai atau yang diinginkan oleh tabie manusia dan ia boleh disimpan untuk waktu keperluan. Ia terbahagi kepada harta alih (manqul) dan harta tidak alih (ghair manqul)."

Ada kemungkinan pendapat ini bersandarkan kepada perkataan harta di dalam bahasa Arab²² iaitu perkataan *māla* yang bermaksud cenderung atau kecenderungan.

Selain daripada itu, Muhammad Salam Madkūr menjelaskan bahawa harta ialah nama selain daripada manusia yang dijadikan untuk kepentingan manusia dan boleh disimpan atau digunakan secara sukarela.²³ Tafsiran ini menimbulkan persoalan tentang kedudukan hamba di mana hamba ialah manusia tetapi termasuk di dalam kategori harta yang boleh dijual, diwarisi dan dihadiahkan. Jadi, definisi ini ditolak oleh sesetengah fuqaha.²⁴

Selain daripada itu, Imām al-Sayūtī²⁵ mentakrifkan harta dengan maksud sesuatu yang boleh disimpan, dimiliki atau dikuasai dan dimanfaatkan di dalam keadaan biasa. Ertinya, apa-apa sahaja yang boleh dikuasai dan dimanfaatkan adalah harta dan dengan itu mendapat perlindungan Syarak. Definisi Imām al-Sayūtī telah diterima oleh Dr. `Abd al-Karīm Zaydān di mana beliau menyebut bahawa harta bermaksud sesuatu yang boleh dikuasai dan boleh dimanfaatkan di dalam keadaan biasa.²⁶ Di dalam takrif ini, beliau menekankan dua unsur utama iaitu boleh dikuasai dan boleh dimanfaatkan. Beliau juga turut membuat beberapa kesimpulan iaitu:

- a) Sesuatu yang boleh dikuasai dan dimanfaatkan secara langsung dianggap harta. Contohnya rumah, tanah, kereta, wang, pakaian, haiwan dan lain-lain.
- b) Sesuatu yang tidak dikuasai secara langsung tetapi berkemampuan untuk menguasainya boleh dianggap sebagai harta. Ini kerana penguasaan secara langsung tidak menjadi syarat untuk menetapkan sesuatu itu sebagai harta. Oleh itu, ikan di laut, burung di udara, binatang liar di hutan dan lain-lain adalah harta.

- c) Sesuatu yang tidak boleh dikuasai tidak dikira sebagai harta walaupun mendapat manfaat daripadanya seperti cahaya matahari dan bulan.
- d) Sesuatu yang lazimnya tidak boleh dimanfaatkan walaupun boleh dikuasai tidak dikira sebagai harta seperti sebiji beras atau sebiji gandum kerana pada lazimnya sebiji beras atau gandum tidak boleh dimanfaatkan
- e) Sesuatu yang ditegah Syarak untuk dimanfaatkan oleh manusia tidak boleh dianggap sebagai harta walaupun ia boleh dikuasai dan dimanfaatkan secara langsung seperti bangkai.

Al-Syafi'i²²⁷ mendefinisikan harta sebagai sesuatu yang bernilai dan boleh dijual serta perlu diganti jika dirosakkan. Oleh itu, definisi beliau lebih khusus berbanding dengan definisi yang lain kerana harta mestilah sesuatu yang bernilai. Jika berlaku kerosakan dengan sengaja, mesti diganti dengan harta yang senilai (*māl al-qīmī*) atau harta yang serupa dengannya (*māl al-mithlī*).²²⁸ Sebaliknya, harta yang tidak bernilai tidak perlu diganti jika dirosakkan. Untuk tujuan kepentingan seperti inilah maka para fuqaha' membahagikan harta kepada tiga jenis:

- 1) Harta alih dan harta tak alih. Harta alih bermaksud harta yang boleh dipindah dan diubah dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Termasuk di dalam harta jenis ini ialah duit, binatang dan lain-lain sama ada dari harta jenis harta senilai atau harta serupa. Harta tak alih bagi Imam Hanafi pula ialah sesuatu yang tidak boleh dipindahkan atau diubah dari satu

tempat ke satu tempat seperti tanah. Manakala di sisi Imam Maliki, harta tak alih ialah sesuatu yang tetap, tidak mungkin dapat dipindahkan dari satu tempat ke tempat yang lain di samping kekal keadaan dan bentuknya.²⁹

- 2) Harta yang mempunyai persamaan dan yang dinilai. Apa yang dimaksudkan dengan harta yang ada persamaan dan bandingan ialah harta yang mempunyai persamaan atau bandingan yang boleh didapati di pasaran. Kalaupun perbezaan itu ada, ia terlalu kecil dan tidak diambil kira. Kebiasaannya, harta jenis ini diukur melalui timbangan, bilangan atau sukatan seperti emas dan perak, buah epal, telur, minyak dan air. Harta yang dinilai pula ialah harta yang tidak mempunyai bandingan yang sama di pasaran. Kalaupun ada, perbezaan besar pasti wujud. Oleh itu, ukuran yang diberikan bukan berdasarkan timbangan, bilangan atau sukatan tetapi berdasarkan nilai atau harga seperti batu permata.³⁰
- 3) Harta bernilai dan tidak bernilai. Harta bernilai ialah harta yang diharuskan oleh Syarak untuk dimanfaatkan dan di bawah kuasa seseorang dalam keadaan biasa seperti baju, emas, perak dan sebagainya. Harta tidak bernilai pula ialah harta yang tidak dikuasai dan tidak harus untuk dimanfaatkan oleh Syarak seperti bangkai.³¹

Meneliti tafsiran yang dibuat oleh para fuqaha' di atas sama ada dari segi bahasa atau istilah, beberapa kesimpulan dibuat:

- 1) Walaupun di dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab menggunakan istilah yang berbeza iaitu *harta*, *property* dan *mal*, tetapi kesemuanya memberikan maksud yang sama iaitu apa-apa yang terkandung di dalam harta yang mana ia itu boleh dikuasai dan dimanfaatkan.
- 2) Pentafsiran harta yang dibuat oleh para fuqaha' dipengaruhi oleh perkembangan zaman, situasi dan keperluan semasa. Oleh itu, konsep harta sebenarnya luas, tidak terhad kepada apa yang telah dibincangkan oleh fuqaha' klasik sahaja, malah ia perlu diijtihadkan dari semasa ke semasa seiring dengan keperluan semasa. Hal ini sesuai dengan sifat Islam sebagai sesuai sepanjang zaman.
- 3) Tiga unsur utama harta dapat disimpulkan dari tafsiran yang dibincangkan mengenai harta iaitu boleh dikuasai atau dimiliki, dimanfaatkan dan bernilai.
- 4) Justifikasi kepada harta bernilai ialah berdasarkan kepada penilaian Syarak.

1.2 Unsur-unsur harta

Hasil daripada perbincangan definisi harta di atas, ternyata harta boleh dikatakan mempunyai tiga unsur yang penting iaitu boleh dikuasai atau dimiliki, boleh dimanfaatkan dan bernilai

1.2.1 Boleh dikuasai dan dimiliki.

Penguasaan dan pemilikan ialah dua istilah yang saling berkait rapat. Pemilikan di dalam bahasa Arab bererti penguasaan terhadap sesuatu serta mampu mengekalkannya.³² Di dalam kamus *Lisān al-`Arab*,³³ pemilikan bermaksud menyimpan dan memiliki sesuatu secara mutlak, iaitu seseorang itu berkuasa penuh untuk menguruskannya. Menurut istilah *fuqaha'*, pemilikan ialah suatu hubungan Syarak (sah) di antara seseorang dengan sesuatu benda. Hubungan itu menyebabkan seseorang mempunyai keistimewaan yang dapat menghalang orang lain daripada memiliki benda tersebut.³⁴ Beliau juga berkuasa menguruskan harta tersebut sepenuhnya jika berkelayakan berbuat demikian dalam lingkungan yang dibenarkan Syarak. Al-Zarqā'³⁵ menyebut di dalam penulisannya bahawa pemilikan bererti penguasaan yang khusus yang membolehkan pemiliknya menggunakan dan memanfaatkannya kecuali terdapat halangan Syarak. Pada prinsipnya, semua harta boleh dimiliki jika tidak terdapat halangan yang menyebabkan harta itu tidak boleh dimiliki. Berhubung dengan ini, harta dibahagikan kepada tiga jenis³⁶ iaitu:

- 1) Harta yang tidak boleh dimiliki oleh seseorang individu. Bahkan ianya dikhususkan untuk kepentingan awam seperti jalanraya, sungai, laut dan sebagainya. Harta ini tidak boleh dimiliki kerana sifatnya untuk kepentingan awam. Namun, jika hilang sifat tersebut, maka harta itu boleh dimiliki oleh individu.

- 2) Harta yang tidak boleh dimiliki kecuali dengan kebenaran Syarak. Contohnya seperti harta wakaf dan harta Baitul Mal. Ia tidak boleh dimiliki kecuali dengan keizinan Syarak.
- 3) Harta yang selain daripada dua jenis yang disebutkan di atas, boleh dimiliki tetapi tertakluk kepada batasan Syarak seperti tidak membahayakan orang lain (darar) dan mesti menunaikan hak-hak masyarakat umum seperti zakat, sedekah dan lain-lain. Di sini jelas bahawa Islam mengiktiraf dua pemilikan iaitu pemilikan individu dan pemilikan awam.

Apa yang dimaksudkan dengan halangan Syarak di dalam definisi yang diberikan ialah jika seseorang itu tidak berupaya untuk menguruskan sesuatu harta seperti bodoh dan muflis. Walaupun dia boleh memiliki harta tetapi tidak boleh menggunakan dan memanfaatkannya secara persendirian.

Pemilikan juga tidak disyaratkan pemilikan secara langsung tetapi cukup jika ia yang menerima pemilikan.³⁷ Oleh itu, sesuatu yang belum dimiliki tetapi berkemungkinan atau berkemampuan untuk dimiliki dikira sebagai harta seperti hutang yang belum dibayar ialah harta kepada pemutang. Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān telah menjelaskan hal ini di dalam penulisannya dan sudah disebut di dalam perbincangan sebelum ini. Oleh itu, penguasaan hakiki bukanlah syarat kepada harta tetapi memadai sekiranya ia yang berkemampuan untuk dimiliki dan dikuasai. Jadi, sesuatu yang tidak boleh dimiliki dan tidak berupaya untuk

dimiliki tidak dikira sebagai harta walaupun dapat manfaat daripadanya seperti matahari dan bulan.

2) Boleh dimanfaatkan.

Unsur manfaat berkait rapat dengan unsur pemilikan dan penguasaan. Manfaat di dalam bahasa Melayu bermaksud berguna atau berfaedah.³⁸ Ini bermakna manfaat itu ialah menggunakan dengan sebaik-baiknya untuk atau dengan cara yang boleh mendatangkan faedah. Dari segi istilah Syarak, manfaat bermaksud faedah hasil daripada sesuatu benda.³⁹ Sebagai contohnya, manfaat menaiki kendaraan dan mendiami rumah.

Definisi manfaat di atas sama ada dari segi bahasa atau istilah, menunjukkan bahawa manfaat ialah sesuatu yang berguna dan memberikan satu pulangan yang baik ekoran daripada pemanfaatan sesuatu benda. Oleh itu, unsur manfaat penting untuk menjadikan sesuatu itu diiktiraf sebagai harta. Unsur pemilikan dan penguasaan sahaja tidak mencukupi, malah perlu diiringi dengan unsur manfaat. Tanpa manfaat, Syarak tidak akan mengiktiraf sesuatu itu sebagai harta. Ini jelas sebagaimana yang telah diulas oleh Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān bahawa sebiji beras, setitis air, sebutir pasir tidak dikira sebagai harta kerana tidak boleh dimanfaatkan pada keadaan biasa walaupun dimiliki atau dikuasai dan ada keupayaan untuk memilikinya.

Unsur manfaat ini pula ialah manfaat pada keadaan biasa. Ertinya, keadaan biasa itu sebagai neraca pengukuran manfaat. Asas pengukuran kepada keadaan biasa ini selaras dengan sifat hukum Syarak yang berjalan seiring dengan keadaan biasa.⁴⁰ Oleh itu, sesuatu yang tidak boleh dimanfaatkan dalam keadaan biasa tidak boleh dikira sebagai harta. Begitu juga dengan pengharaman untuk memanfaatkan (memakan) khinzir dan arak dalam keadaan biasa. Namun begitu, dalam keadaan tertentu, hukum haram ini bertukar menjadi harus untuk dimanfaatkan apabila seseorang itu berada dalam keadaan terdesak (darurat). Keharusan ini telah dijelaskan oleh beberapa firman Allah s.w.t. Antaranya ialah firman Allah s.w.t:

فَمَنْ أَضْطُرَ فِي مَخْصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِيمَانِهِ فَإِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ رَّحِيمٌ

" Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedangkan ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakaninya). Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasihani."

(al-Ma''idah (5): 3)

Imām al-Tabārī⁴¹ telah mengulas bahawa ayat فَمَنْ أَضْطُرَ فِي مَخْصَةٍ من اضطر في مخصوصة merujuk kepada keadaan darurat dan keadaan terpaksa kerana kelaparan. Dalam keadaan kelaparan seperti ini, seseorang individu diharuskan untuk memakan sesuatu yang diharamkan oleh Allah s.w.t tetapi dengan syarat tidak keterlaluan dan melampaui batas yang ditetapkan iaitu sekadar yang dapat menghilangkan kemudharatan tersebut. Ini jelas disebutkan oleh kaedah fiqh⁴² iaitu:

ما أبیح للضرورة يقدر بقدرها

“Apa-apa yang diharuskan dalam keadaan darurat hendaklah ditentukan mengikut keadaannya”

Ayat yang mengharuskan sesuatu yang diharamkan ketika keadaan terdesak turut disokong oleh kaedah fiqh iaitu 43 الضرورات تبيح الخظورات yang bermaksud “Kemudharatan mengharuskan larangan.”

Keharusan sesuatu yang diharamkan ketika darurat (terpaksa) menunjukkan kelonggaran Islam dalam menangani masalah-masalah berhubung dengan situasi terpaksa atau darurat. Namun, kelonggaran ini mempunyai had dan batasannya sebagai garis panduan agar tidak berlaku penyelewengan dari tujuan sebenar iaitu sekadar untuk menghadapi keadaan darurat agar selamat.

Seterusnya, sesuatu yang ditegah Syarak untuk dimanfaatkan tidak dianggap sebagai harta walaupun ia boleh dimanfaatkan seperti bangkai. Ini kerana yang menjadi ukuran sama ada sesuatu itu bermanfaat atau tidak adalah berdasarkan penentuan hukum Syarak. Dalam persoalan ini, jika sesuatu itu harus dimanfaatkan oleh sesuatu golongan tetapi tidak harus dimanfaatkan oleh golongan lain. Ia masih dikira sebagai harta. Umpamanya babi yang diharuskan kepada golongan bukan Islam masih dianggap sebagai harta untuk mereka kerana mereka diharuskan untuk memanfaatkannya.⁴⁴

3) Bernilai

Selain daripada dua unsur di atas, status harta pada Syarak juga dirujuk kepada unsur bernilai. Ketiadaan unsur ini boleh menjelaskan status sesuatu harta daripada diiktiraf sebagai konsep harta menurut Syarak.⁴⁵ Ini bererti, ia juga unsur penting di dalam mengukur sesuatu itu sebagai harta menurut Syarak. Istilah *māl mutaqawwam* digunakan di dalam bahasa Arab bagi menunjukkan maksud bernilai dan sesuatu yang bernilai itu ialah sesuatu yang diharuskan Syarak.⁴⁶ Sebaliknya harta yang tidak bernilai iaitu *māl ghayr al-mutaqawwam* bermaksud sesuatu yang tidak diharuskan Syarak. Asas pengukuran sama ada sesuatu harta itu bernilai atau tidak ialah ketetapan Syarak. Hanya harta yang bernilai sahaja yang boleh dimanfaatkan dan halal di sisi Syarak. Begitupun, sesuatu pemilikan tetap diterima sama ada bernilai atau tidak. Sebagai contohnya, seseorang yang bukan Islam boleh memiliki arak tetapi apabila beliau memeluk Islam, arak tersebut masih lagi menjadi miliknya tetapi ia tidak dihalalkan oleh Syarak dan tidak boleh dimanfaatkan.⁴⁷

Harta yang bernilai juga satu-satunya yang boleh menjadi subjek kepada muamalah.⁴⁸ Ini bermakna harta yang tidak bernilai tidak sah dan tidak halal untuk urusan muamalah menurut Syarak. Sehubungan dengan ini maka Imām Syāfi'i⁴⁹ lebih menekankan unsur bernilai di dalam mentafsirkan harta. Beliau memahami harta sebagai sesuatu yang bernilai, boleh dijual serta diganti jika dirosakkan. Harta bernilai yang dirosakkan perlu diganti dengan harta senilai atau

yang serupa sama dengannya. Sebaliknya, harta yang tidak bernilai tidak perlu diganti.⁵⁰

Sesuatu yang diharamkan dan tidak bernilai tidak sah diakadkan di dalam akad muamalah kerana ianya tidak halal untuk dimanfaatkan. Contohnya seperti alat-alat hiburan yang melalaikan, arak, khinzir dan lain-lain.

Selain daripada ketentuan Syarak, persoalan sama ada harta itu bernilai atau tidak turut bergantung kepada status pemiliknya sama ada Islam atau tidak. Kebanyakan ‘ulama’ berpandangan bahawa sesuatu yang tidak boleh dimanfaatkan dalam keadaan biasa ialah harta yang tidak bernilai seperti arak dan khinzir. Oleh itu, ia bukan harta bernilai di sisi orang Islam.⁵¹ Sebaliknya, ia harta bernilai di sisi orang bukan Islam. Sebahagian fuqaha’ pula seperti Syāfi‘ī, Abū Thūr, Ibn Hazm al-Zāhirī berpendapat bahawa sesuatu yang diharamkan tetap tidak dianggap sebagai harta bernilai di sisi orang bukan Islam. Oleh itu, arak tetap haram dan tidak bernilai sama ada di sisi orang Islam ataupun orang bukan Islam.⁵²

Sesuatu harta pada asalnya harus untuk dimanfaatkan kecuali ada nas atau autoriti lain yang menghalang daripada dimanfaatkan. Ini jelas disebut di dalam kaedah fiqh yang diterima oleh kebanyakan ‘ulama’⁵³ iaitu:

الأصل في الأشياء الإباحة
‘Asal sesuatu itu adalah harus’.

Berdasarkan kaedah ini, segala harta harus untuk dimanfaatkan kecuali apa yang ditegah sahaja. Tegahan-tegahan yang dibuat mempunyai hikmat dan kepentingan yang tersendiri. Sebagai contohnya ialah nas yang melarang untuk memanfaatkan bangkai, khinzir, darah yang mengalir dan sembelihan yang tidak dimulai dengan sebutan terhadap Allah s.w.t:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدُّمُّ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أَهِلٌ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ

"Diharamkan ke atas kamu bangkai, darah, daging babi dan haiwan-haiwan yang ketika disembelih disebutkan nama selain nama Allah"

(al-Ma''idah (5):3)

Ayat ini jelas menerangkan larangan kepada orang-orang yang beriman agar tidak memanfaatkan bangkai, darah yang mengalir dan sembelihan yang tidak disebutkan dengan nama Allah atau disebutih dengan niat bukan kerana Allah tetapi kerana *Lata* dan *'Uzza* dan lain-lain yang dilarang. Oleh itu, hukum asal bahawa ianya harus sudah berubah menjadi haram kerana tegahan oleh nas di atas.

Contoh yang lain ialah firman Allah s.w.t:

يَتَأْيَهَا الَّذِينَ ظَاهَرُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَرْذَلُمُ رِجْسٌ مِنْ
عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنَبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

“Hai orang-orang yang beriman! Minuman keras, main judi, berhala dan mengundi nasib dengan panah itu, sesungguhnya perbuatan kotor, termasuk pekerjaan syaitan, sebab itu hendaklah kamu tinggal supaya kamu menjadi beruntung.”

(al-Ma’idah(5):90)

Ayat di atas juga menerangkan tentang tegahan kepada orang-orang beriman daripada memanfaatkan arak, babi dan lain-lain. Menurut Ibn ‘Abbas⁵⁴, arak ini termasuklah segala jenis minuman yang memabukkan.

Begitu juga, tidak diharuskan di dalam urusan muamalah pada sesuatu yang najis. Contohnya, tidak sah dijadikan najis sebagai objek akad jualbeli. Oleh itu najis bukan harta bernilai dan tidak boleh dimanfaatkan⁵⁵ kecuali dengan tujuan-tujuan tertentu seperti untuk dijadikan baja.

Unsur bernilai ini juga berkaitan dengan kecenderungan manusia kerana pada kebiasaannya, manusia begitu cenderung kepada sesuatu yang bernilai dan boleh mendatangkan manfaat kepadanya. Cenderung di dalam bahasa Melayu bermaksud menarik minat terhadap sesuatu, suka akan sesuatu atau menunjukkan kegemaran.⁵⁶ Bahasa Arab pula menggunakan istilah *māl* bagi membawa maksud condong kepada sesuatu.⁵⁷ Berasaskan kepada sifat manusia yang cenderung kepada sesuatu yang bernilai maka ada sesetengah golongan fuqaha’ telah mentakrifkan harta sebagai sesuatu yang boleh menarik kecenderungan, boleh disimpan dan digunakan semasa diperlukan termasuklah Ibn ‘Abidin⁵⁸ di dalam

kitabnya *Radd al-Muhtār*. Penerimaan terhadap unsur kecenderungan dan kepentingannya di dalam mentafsirkan harta pada umumnya banyak dipelopori oleh Mazhab Imām Ḥanafī.⁵⁹ Begitu juga Undang-undang Sivil Islam Mesir⁶⁰ turut menerima tafsiran sebegini.

Tidak dinafikan bahawa manusia sentiasa cenderung kepada sesuatu yang bernilai dan boleh memberikan manfaat kepadanya. Jadi ia penting sebagai salah satu sifat kepada status harta.

Begitupun, unsur ini tidak dapat diterima oleh segolongan ulama' yang lain. Ini kerana penerimaan unsur ini dalam mentafsirkan harta akan menyebabkan konsep harta tidak tepat dan komprehensif. Dalam hal ini, Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān,⁶¹ Wahbah al-Zuhaylī,⁶² Muṣṭafā Ḥamad Zarqā'⁶³ dan lain-lain telah menolak pandangan yang menerima unsur kecenderungan ini dalam memahami konsep harta. Mereka mengkritik bahawa terdapat sesuatu yang tidak menarik kecenderungan manusia tetapi termasuk di dalam kategori harta seperti ubat, walaupun pahit dan tidak digemari tetapi masih lagi termasuk di dalam konsep harta. Oleh itu, pandangan Ibn 'Ābidīn dan kawan-kawannya terhadap tafsiran harta telah ditolak dengan alasan ini di samping mereka juga menolak unsur boleh disimpan ketika diperlukan kerana terdapat sesuatu yang tidak boleh disimpan tetapi tetap harta seperti sayur-sayuran dan sebahagian daripada buah-buahan. Ahmad Zarqā' menambah bahawa kecenderungan tabiat manusia berbeza

di antara satu sama lain dan sentiasa berubah-ubah. Dengan ini, istilah *mal sepatutnya* hanya difahami dari segi bahasa sahaja, tidak istilah.⁶⁴

Namun begitu, unsur kecenderungan ini sebenarnya penting juga di dalam konsep harta. Adanya unsur ini menunjukkan wujudnya unsur manfaat dan bernilainya sesuatu harta itu. Sama ada keseluruhan atau sebahagian sahaja manusia yang cenderung, itu tidak menjadi dasar penting untuk menentukan konsep harta. Kecenderungan sebahagian manusia juga sudah cukup untuk tidak menafikan sifat harta. Seperti yang diketahui umum, memang setiap manusia itu berbeza kecenderungan masing-masing. Oleh itu, apa yang penting di sini ialah wujudnya unsur kecenderungan terhadap sesuatu kerana kaitan rapatnya dengan unsur manfaat dan bernilai sama ada oleh keseluruhan atau sebahagian manusia sahaja.. Begitupun, perlu diingat bahawa sekiranya tiada unsur kecenderungan oleh seluruh manusia, maka hilang sifat sesuatu itu sebagai harta.

1.3 Persoalan hak.

Erti hak menurut Kamus Dewan⁶⁵ ialah kuasa ke atas sesuatu atau kuasa untuk berbuat sesuatu. Dalam bahasa Arab⁶⁶ pula, ia bererti harta dan pemilikan sesuatu benda yang wujud lagi tetap. Dari segi istilah, hak bermaksud suatu pengkhususan yang diiktiraf Syarak kepada seseorang sama ada bermanfaat secara material atau moral, manfaat tersebut berkaitan dengan harta atau berkaitan

dengan diri seperti hak penjagaan anak, hak berdakwah, hak menjaga kepentingan agama dan berjihad.⁶⁷

Definisi hak yang diberikan sama ada dari bahasa atau istilah jelas menunjukkan bahawa konsep hak lebih luas daripada konsep harta dan pemilikan. Ini kerana kedua-duanya terangkum di dalam konsep hak. Seterusnya, hak pula berkait rapat dengan benda dan manfaat. Selain daripada itu, definisi menurut istilah pula menunjukkan hak itu berkaitan dengan persoalan manusia dan benda.

Al-Zarqa⁶⁸ bersetuju dengan tafsiran bahawa hak meliputi seluruh jenis hak sama ada hak keagamaan, moral dan hak awam. Al-Sanhuri⁶⁹ pula menambah bahawa hak itu ialah sesuatu yang mempunyai nilai.

Para fuqaha' sependapat menyatakan bahawa hak yang tiada hubungannya dengan harta seperti hak penjagaan anak, hak berjihad tidak dikira sebagai harta.⁷⁰ Tetapi hak yang ada kaitannya dengan harta seperti hak mendapat nafkah, hak makan minum, hak tempat tinggal dan lain-lain, fuqaha' telah berselisih pendapat dalam menentukan sama ada hak tersebut dianggap sebagai harta atau tidak. Menurut pandangan mazhab Abu Hanifah, hak tersebut bukan harta.⁷¹ Manakala Jumhur fuqaha' menyatakan bahawa ia adalah harta.⁷²

Pendapat Jumhur ini lebih rajih (diterima). Natijah dari pandangan ini ialah jika hak itu berhubung dengan harta, maka ia adalah harta. Sehubungan

dengan itu, jika seseorang itu dihalang daripada menggunakan hak untuk tinggal di rumahnya, maka dia boleh menuntut ganti rugi berdasarkan hak yang berhubung dengan hartanya. Begitu juga sebagai contohnya jika seseorang itu dihalang daripada menggunakan keretanya, maka dia berhak menuntut gantirugi kerana halangan tersebut.

1.4 Persoalan manfaat

Persoalan manfaat juga timbul sama ada ia termasuk di dalam kategori harta atau tidak. Dalam hal ini, fuqaha' telah berselisih pendapat. Menurut pendapat Mazhab Syāfi'i,⁷³ manfaat termasuk di dalam harta. Manakala mazhab Hanafī berpendapat sebaliknya.⁷⁴ Alasan Imām Syāfi'i ialah manfaat dikatakan sebagai harta dengan bersandarkan kepada objektif yang ada pada harta dan manfaat itu sendiri. Objektif harta dan manfaat adalah sama iaitu untuk memberikan kebaikan kepada manusia seluruhnya. Di samping itu, jika dilihat kepada definisi yang diberikan oleh kebanyakan fuqaha', harta ialah sesuatu yang boleh dimiliki dan diambil manfaat daripadanya serta untuk kemaslahatan manusia. Segala syarat ini wujud pada manfaat atau faedah sesuatu benda. Kalau dikatakan manfaat yang wujud pada sesuatu benda itu tidak boleh dimiliki, anggapan seperti itu tidak tepat. Hakikatnya, manfaat sesuatu benda itu boleh dimiliki dengan cara memiliki benda tersebut. Tambahan pula, sesuatu benda itu dianggap sebagai harta kerana ianya boleh dimanfaatkan. Oleh itu, sesuatu yang tidak boleh dimanfaatkan tidak dikira sebagai harta oleh para fuqaha'.

Seterusnya, manfaat boleh dijadikan mas kahwin dan mas kahwin pula mestilah terdiri daripada harta. Kenyataan ini telah dijelaskan oleh Ibn Taymiyyah apabila beliau mengulas tentang sesuatu yang termasuk di dalam kategori harta iaitu termasuklah mas kahwin. Oleh itu, manfaat ialah harta di dalam Islam kerana ia boleh dijadikan mas kahwin. Tanpa mas kahwin, akad sesuatu perkahwinan tidak begitu sempurna. Firman Allah s.w.t:

وَأُحِلَّ لَكُم مَا وَرَاءَ ذَلِكُمْ أَن تَبْتَغُوا بِأَمْوَالِكُم مُّحْصَنِينَ غَيْرَ
مُسْتَهِينِ فَمَا أَسْتَمْتَعْتُم بِهِ مِنْهُنَّ فَتَأْتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ فَرِيشَةٌ وَلَا
جُنَاحٌ عَلَيْكُمْ فِيمَا تَرَاضَيْتُم بِهِ مِنْ بَعْدِ الْفَرِيشَةِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْمًا
حَكِيمًا

"Dan dihalalkan kepada kamu mengahwini perempuan-perempuan selain dari itu jika kamu menghendaki mereka dengan hartamu (mas kahwin) melalui perkahwinan, bukan untuk perbuatan jahat. Jika kamu mendapat kesenangan dari perempuan itu (kerana perkahwinan), maka bayarlah mas kahwinnya sebagaimana yang telah ditentukan. Tidaklah mengapa bagimu asalkan suka sama suka, berdamai dari yang ditetapkan itu. Sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui dan Bijaksana."

(al-Nisa'(4) :24)

Ibn Kathir⁷⁵ telah mengupas tentang maksud bagi perkataan أُجُورُهُنَّ

bermakna mas kahwin bagi wanita. Sementara itu, al-Qurtubi⁷⁶ pula mengulas bahawa perkataan tersebut ialah ganti kepada mas kahwin dan manfaat wanita sebagai isteri kepada suami.⁷⁷

Allah berfirman juga:

فَالِّا إِنْ أُرِيدُ أَنْ أُنْكِحَكَ إِحْدَى أَبْنَتَنِي هَذِهِنِ عَلَى أَنْ تَأْجُرَنِي ثَمَنِي
حِجَاجٌ فَإِنْ أَتَمْمَتَ عَشْرًا فَمِنْ عِنْدِكَ وَمَا أُرِيدُ أَنْ أَشْقَى عَلَيْكَ سَتْجِدْنِي
إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّالِحِينَ

"Berkata orang tua itu: Sesungguhnya aku ingin mengahwinkan engkau dengan salah seorang anak perempuanku dengan syarat engkau bekerja 8 tahun dan jika engkau cukupkan sampai 10 tahun, itu terserah kepada kehendakmu sendiri, dan aku bukan hendak memberati engkau. Insya Allah jika Tuhan mahu, engkau akan mendapatiku termasuk di kalangan orang-orang yang baik"

(al-Qassas(28): 27):

Al-Qurtubi⁷⁸ mengupas bahawa sesuatu akad nikah sah dengan *ijārah* (apa-apa yang berbentu sewaan) yang diiktiraf Syarak. Dikatakan berlaku sewaan ialah khidmat yang dilakukan oleh Nabi Musa 'a.s terhadap Nabi Syu'aib dalam bentuk mengembala kambing. Jika diteliti kepada khidmat Nabi Musa 'a.s memelihara kambing, jelas khidmat tersebut berbentuk manfaat. Dengan manfaat tersebut (berkhidmat dengan mengembala kambing), ia dijadikan sebagai mas kahwin kepada salah seorang anak perempuan Nabi Syu'aib yang bakal

dinikahkan dengan Nabi Musa 'a.s. Jadi ayat ini menerangkan tentang manfaat yang diterima di dalam Islam untuk dijadikan mas kahwin.

Bagi Imām Ḥanāfi, manfaat hanya sesuatu yang boleh dimiliki lantaran sifatnya yang hanya boleh dimanfaatkan jika dimiliki, tidak boleh disimpan dan relatif.⁷⁹ Dalam erti kata lain, ia tidak kekal lama dan hanya menjadi wujud pada ketika dan keadaan tertentu sahaja serta tidak bersifat material.⁸⁰ Hal ini berbeza dengan harta yang lebih bersifat umum dan boleh disimpan untuk dimanfaatkan semasa diperlukan. Apabila dikatakan harta sebagai sesuatu yang boleh disimpan, erti harta itu mestilah sesuatu yang boleh dilihat zatnya. Jadi, manfaat bukan harta kerana zatnya tidak boleh dilihat.

Berdasarkan alasan ini, maka mazhab Ḥanāfi berpendapat manfaat secara materialnya bukan sesuatu yang bernilai. Begitupun, manfaat boleh bertukar menjadi harta yang bernilai melalui beberapa akad seperti akad *iżārah* (sewaan) dan akad *I'ārah* (pinjaman).⁸¹ Penerimaan ini jelas bertentangan dengan konsep asas harta pada pandangan mereka.⁸²

Perbezaan pandangan para fuqaha' di atas walau bagaimanapun tidak menjelaskan konsep harta. Jika diteliti, Imām Syāfi'i lebih menekankan objektif kepada manfaat iaitu untuk kegunaan dan kemaslahatan manusia serta peranan yang dimainkan oleh manfaat. Sementara itu, Imām Ḥanāfi lebih menitik beratkan

bentuk dan material manfaat yang tidak meliputi unsur-unsur yang sepatutnya ada pada harta.

Pandangan Imām Syāfi’ī lebih diterima selaras dengan pandangan para fuqaha’ terdahulu dan terkini kerana ianya lebih relevan dengan keperluan dan situasi semasa. Mengulas tentang kenyataan ini, Ahmad Zarqā⁸³ menegaskan bahawa hujah Imām Syāfi’ī lebih konkrit dan selari dengan maslahah umum dan unsur manfaat ini sebagai asas di dalam menentukan sama ada sesuatu itu termasuk di dalam konsep harta atau tidak.

Sementara itu, Muḥammad Salam Madkūr⁸⁴ telah mengaitkan penerimaan manfaat dengan ‘urf masyarakat. Ternyata bahawa ‘urf sebelum Islam lagi telah menerima dan mengiktiraf muamalat yang melibatkan manfaat semata-mata. Oleh itu, manfaat boleh dimasukkan di dalam konsep harta selagi mana ‘urf itu tidak bercanggah dengan Syarak dan mendatangkan maslahah kepada manusia. Kalau dilihat kepada Imām Hanafī sendiri pun, beliau juga menerima konsep ‘urf ini di mana manfaat dianggap sebagai harta dalam konteks akad sewaan (*ijārah*). Ini bererti Imām Hanafī telah memberikan beberapa pengecualian terhadap pandangan-pandangannya sebelum ini tentang persoalan manfaat dan kaitannya dengan harta.

Pandangan Imām Ḥanafī juga lebih rigid dan sempit di mana konsep harta hanya merangkumi benda-benda yang bersifat material serta dapat disentuh zatnya berbanding dengan pandangan Syāfi'ī yang lebih fleksibel dan luas konsepnya.

Al-Syarbīnī al-Khatīb⁸⁵ pula pada awalnya menerima pandangan Imām Ḥanafī yang mana manfaat tidak dianggap sebagai harta kerana pada asalnya ia adalah sesuatu yang tidak dapat dilihat dan tidak wujud. Namun melihat kepada perkembangan dan realiti semasa supaya dibolehkan mana-mana akad dilakukan, maka konsep harta ini diperluaskan sehingga merangkumi manfaat walaupun ianya tidak wujud dan tidak dapat dilihat.

Pendekatan yang diambil oleh al-Syarbīnī ialah pendekatan yang seiring dengan keperluan semasa bagi membolehkan sesuatu akad seperti *ijārah* dan *i'tirārah* dilakukan di dalam muamalah Islam. Adalah menjadi satu kerugian besar kepada umat Islam jika akad seperti *ijārah* tidak dapat dilakukan kerana ia berdasarkan transaksi manfaat.

1.5 Kesimpulan

Penelitian mengenai konsep harta memberikan gambaran yang jelas bahawa sebenarnya ia adalah terlalu luas. Kepelbagaiannya pandangan fuqaha' di dalam mentafsirkan harta menunjukkan bahawa ianya berkembang seiring dengan

keperluan dan situasi semasa. Ini jelas membuktikan bahawa hukum Islam sesuai untuk sepanjang zaman.

Persoalan hak dan manfaat sama ada termasuk di dalam kategori harta atau tidak yang dibincangkan oleh para fuqaha' juga memerlukan penilaian semasa. Penilaian berasaskan konteks semasa tanpa terikat dengan pandangan ulama' klasik adalah perlu supaya hukum Islam tidak dikatakan tidak mampu bersaing dengan kemajuan semasa. Berhubung dengan hal ini, pandangan Imām Syafī'ī yang menerima manfaat dan hak sebagai harta adalah relevan dengan keperluan semasa terutama untuk tujuan urus niaga di dalam muamalat Islam. Ini penting bagi memastikan muamalat-muamalat Islam tidak ketinggalan, kaku, lesu dan tidak bermaya dalam menghadapi perkembangan yang pesat.

Nota Hujung

1. *Kamus Dewan* (1989), Edisi Baru, cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s 408.
2. *Longman Dictionary of Contemporary English* (1995), edisi 3, England: Addison Wesley Longman Ltd, m.s 1133.
3. Al-Fayrūzabādī (1987), *al-Qāmūs al-Muhib*, edisi 2, Beirut: Muassasah al-Risālah, di bawah perkataan *māl*.
4. Ibn Manzūr (1956), *Lisān al-`Arab*, jld. 48, Beirut: Dār al-Šādir, m.s 635.
5. Ibid, m.s 636.
6. Al-Nasā'ī (1988), *Sunan al-Nasā'ī*, juz.5, cet. 2, Beirut: al-Mufahrasah, m.s 104.
7. Al-Nawāwī (1990), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawāwī*, juz.16, jld. 8, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, m.s 121.
8. Al-Rāzī (1972), *Mukhtār al-Sīhhah*, Beirut: Dār al-Fikr, m.s 639.
9. Badran, Abū al-Aynayn (t.t), *al-Syārī`ah al-Islāmiyyah: Tarīkhuhā wa Naṣāriyyat al-Milkiyyah wa al-`Uqūd*, Iskandariah: Muassasah al-Syabāb al-Jāmi`iyyah, m.s 286.
10. Ibn al-Athīr (t.t), *al-Nihayah fī Ghārib al-Hadīth*, cet.1, Kaherah: Maṭba`ah al-Khairiyah, m.s 121 di bawah perkatan *māl*.
11. Ibn Taymiyyah (1966), *al-Siyāsah al-Syar`iyyah*, Beirut; Dār al-Kutub al-`Arabiyyah, m.s 26.
12. Supra, m.s 22-27.
13. Ibn Taymiyyah, op. cit.
14. *Mu`jam Alfāz al-Qurān al-Karīm* (1970), jld. 2, cet.3, Kaherah: al-Hay`ah al-Miṣriyyah al-`Ammah, m.s 668.
15. Lihat syair di dalam *al-Asmā`ī wa al-Asmā`iyyat (Diwān al-`Arab)* (1964), cet.2, Mesir: Dār al-Ma`ārif, m.s 124

16. Ahmad Syarabasā (1981), *al-Mu'jam al-Iqtisādī al-Islāmī*, Beirut: Dār al-Jīl, m.s 448.
17. Ibid.
18. Ibid.
19. Ibn 'Abidīn (1966), *Radd al-Muhtār*, juz.4, cet.2, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī wa al-Halabī wa Awlāduhū, m.s 501.
20. Ibid.
21. *Majallat Al-Aḥkām al-'Adliyyah (Undang-undang Sivil Islam)* (1990), terj. Mohd. Akhir Hj. Yaacob, cet.1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s 36.
22. *Al-Mu'jam al-Wasīt* (t.t), juz 1, cet. 2, m.s 894.
23. Muhammad Salam Madkūr (1969), *al-Mu'amalāt fī al-fiqh al-Islāmī*, Kaherah: Dār al-Nahdhah al-'Arabiyyah, m.s 484-485.
24. 'Abd al-Karīm Zaydān (Dr) (1989), *al-Madkhāl li Dirāsatī al-Syari'ah al-Islāmiyyah*, Baghdad: Maktabah al-Quds, m.s 183.
25. Al-Sayūti, (1983), *al-Asybah wa al-Nazā'ir*, cet.1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, m.s 327.
26. 'Abd al-Karīm Zaydān (Dr), op. cit, m.s 233.
27. Al-Sayūti, op. cit, m.s 327.
28. Al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhū*, juz. 4, Damsyik: Dār al-Fikr, m.s 18.
29. Muhammad Salam Madkūr (1969), *al-Madkhāl li al-Fiqh al-Islāmī*, Kaherah: Dār al-Nahdhah al-'Arabiyyah, m.s 476-477.
30. 'Abd al-Karīm Zaydān (Dr), op. cit, m.s 233.
31. Muhammad Salam Madkūr, op. cit.
32. Ibn Manzūr, op. cit, juz.42, m.s 492.
33. Ibid, di bawah perkataan *milk*.

34. Ibn al-Humām, (1339 H), *Fath al-Qadīr*, jld.5, al-Matba'ah al-Maimāniyyah, m.s 74.
35. Al-Zarqā', op. cit m.s 33.
36. Al-Zuhaylī, op. cit (1984), jld.7, Damsyik: Dar al-Fikr, m.s 57-58.
37. Muhammād Salam Madkūr (1955), *al-Fiqh al-Islāmī: al-Madkhāl wa al-Amwāl wa al-Huquq wa al-Milkiyyah al-'Uqud*, cet. 2, Kaherah: Maktabah 'Abdullah Wahbah, m.s 180.
38. *Kamus Dewan*, op. cit, m.s 797.
39. Badran, Abū al-'Aynayn, op. cit, m.s 288-289.
40. Muhammād Salam Madkūr, op. cit m.s 158.
41. Al-Tabārī (1968), *Jamī' al-Bayān 'an Ta'wil al-Qur'ān*, juz.5, cet.3, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī wa al-Ḥalabī wa Awlāduhu, m.s 84.
42. Al-Sayuti, op. cit, m.s 85
43. Ibid
44. 'Abd al-Karīm Zaydān, op. cit, m.s 217-218
45. Ibn 'Ābidīn, op. cit, , m.s 502.
46. Ibid, juz.5, m.s 50, *Majallat al-Aḥkām al-'Adliyyah*, Perkara 27.
47. Al-Marghinānī (t.t), *al-Hidāyah*, jld.3, cet.4, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī wa al-Ḥalabī wa Awlāduhu, m.s 21.
48. Al-Zarqā', op. cit, m.s 126.
49. Al-Sayuti, op. cit, (1983), m.s 327.
50. Al-Zuhaylī, op. cit, m.s 18.
51. Muhammād Abū Zuhrah, *Al-Milkiyyah wa Nazariyyah al-'Aqd fī al-Syari'ah al-Islāmiyyah*, Dār al-Fikr al-Arabi, m.s 76.
52. Ibn Qudāmah al-Maqdidi (1384 H), *al-Mughnī*, jld.4, Kaherah: al-Manār, m.s 278.

53. Al-Sayūtī, op. cit, jld. 1, Mekah: Maktabah Nizar Muṣṭafā al-Bāz, m.s 87
54. Al-Šābūnī, Muḥammad Ali, *Sofwah al-Tafsīr*, jld.3, Madinah: Dār al-Šābūnī, m.s 363.
55. Sayyid Sābiq (1985), *Fiqh al-Sunnah*, jld. 3, Beirut: Dār al-Kitab al-`Arabi, m.s 51.
56. *Kamus Dewan*, op. cit, m.s 210
57. *Mu`jam al-Wasīt*, op. cit, m.s 894.
58. Ibn `Abidīn, op. cit, juz 4, m.s 501.
59. Ibid,
60. *Majallat al-Ahkām al-`Adliyyah*, op. cit m.s 36.
61. `Abd al-Karīm Zaydān (Dr), op. cit, m.s 219.
62. Al-Zuhaylī, op. cit, m.s 41.
63. Al-Zarqā', op. cit, m.s 115.
64. Ibid
65. *Kamus Dewan*, op. cit, m.s 394
66. *Mu`jam al-Wasīt*, op. cit, m.s 188.
67. Muḥammad Yūsuf Mūsā (1955), *al-Fiqh al-Islāmī: Madkhal li-Dirāsatihī wa Niẓām al-Mu`āmalāt fīhi*, Kaherah: Dār al-Kitab al-`Arabi, m.s 211.
68. Al-Zarqā' (1946), *al-Fiqh al-Islāmī fī Thaubih al-Jadīd*, juz. 3, cet.6, Damsyik: Dar al-Fikr, m.s 11
69. Al-Sanhurī (1954), *Maṣādir al-Haqq fī al-Fiqh al-Islāmī*, Kaherah: Jāmi`ah al-Duwal al-`Arabiyyah, m.s 4.
70. Ibn Qudāmah al-Maqdidi (1384 H), *al-Mughnī*, jld. 6, m.s 189.
71. Al-Ķasānī (1328 H), *Bada`ī` al-Šanā`ī`*, jld.6, Kaherah: al-Jamāliyyah, m.s 189.

BAB SATU

KONSEP HARTA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

1.1 Definisi harta

Merujuk kepada Kamus Dewan,¹ harta ialah istilah yang diterimapakai di dalam bahasa Melayu yang membawa maksud sesuatu yang bernilai dan dipunyai oleh seseorang. Hartalah satu-satunya istilah yang digunakan bagi menjelaskan maksud tersebut. Bahasa Inggeris² pula menggunakan istilah *property* bagi menjelaskan maksud harta sebagaimana bahasa Melayu. *Property* bererti sesuatu yang dipunyai oleh seseorang (*The things or things that someone own*). Seterusnya, di dalam bahasa Arab, istilah *māl* digunakan bagi menunjukkan maksud harta. Di dalam *Kamus al-Muhiṭ*,³ *māl* ditakrifkan sebagai sesuatu yang boleh dimiliki. Ini bermakna, harta ialah apa sahaja yang bernilai dan boleh dimiliki oleh seseorang individu. Ibn Manzūr di dalam *Lisān al-Arab*⁴ pula menerangkan bahawa apa yang dimaksudkan dengan harta ialah sesuatu yang dikenali umum, termasuklah apa sahaja yang dimiliki walau dalam keadaan apa sekalipun.

Definisi harta dari segi bahasa yang disebutkan di atas menunjukkan bahawa harta dikaitkan dengan pemilikan seseorang.⁵ Dikatakan bahawa seseorang itu berharta atau seseorang itu mempunyai harta. Kenyataan ini banyak